



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
(MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA)  
WISMA PERTAHANAN  
JALAN PADANG TEMBAK  
50634 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000  
Portal Rasmi : [www.mod.gov.my](http://www.mod.gov.my)  
E-mel : [portal@mod.gov.my](mailto:portal@mod.gov.my)

Bahagian Industri Pertahanan I | Alamat: Aras 2 Blok B I Bangunan Zetro Jalan 9/27C I Seksyen 5 Wangsa Maju  
53300 Kuala Lumpur I No. Tel: 03-4027 4054/4072/84 I No. Faks: 03-4027 4277/4278

Rujuk Tuan:  
Ruj. kami: KP (IP)/ 0010- Jil-44 (98)  
Tarikh : **24** Mac 2020

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Tan' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **ARAHAN MENDAFTAR DAN PENILAIAN SEMULA STATUS KEAHLIAN MALAYSIAN INDUSTRY COUNCIL FOR DEFENCE, ENFORCEMENT AND SECURITY (MIDES)**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kementerian Pertahanan telah membentangkan inisiatif Kertas Putih Pertahanan (KPP) sebagai dokumen rujukan utama bagi hala tuju dan inisiatif Kementerian Pertahanan untuk tempoh 10 tahun akan datang. Antara inti pati penting yang digariskan oleh KPP ialah kepentingan usaha bersepadu pelbagai pihak dalam membangunkan keupayaan pemain industri pertahanan tempatan.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Industri Pertahanan (BIP) telah diminta untuk menilai semula status keahlian serta pengiktirafan sijil keupayaan yang telah dikeluarkan kepada seluruh ahli MIDES. Ini bagi memastikan segala kelebihan selaku ahli MIDES dapat diberikan kepada ahli yang layak dan aktif sahaja. Oleh itu, segala sijil pengiktirafan ahli yang telah dikeluarkan oleh MIDES sehingga tahun 2019 akan ditamatkan pada penghujung Oktober 2020 ini.

4. BIP juga telah menyediakan portal khas untuk memudahkan ahli MIDES bagi sebarang urusan pendaftaran, pengemaskinian maklumat syarikat serta pemakluman terkini sebarang aktiviti dan promosi. Oleh itu, kepada semua syarikat yang berminat bagi meneruskan keahlian bersama MIDES secara percuma hendaklah menghantar

permohonan baharu menerusi portal MIDES di <https://mides.mod.gov.my/portal/login.php> **sebelum 10 April 2020**. Proses penilaian audit keupayaan secara berperingkat hanya akan dijalankan kepada permohonan yang diterima melalui portal MIDES sahaja dan bukan secara automatik kepada ahli MIDES seperti yang dilakukan sebelum ini.

5. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NAKIAH BINTI HJ MOHD NASIR)**  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Dasar & Pembangunan Industri Pertahanan  
Bahagian Industri Pertahanan  
b.p Ketua Setiausaha